

## **Mazhab Syafi'i dalam Amalan dan Perundangan di Negara Brunei Darussalam**

Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Brunei Darussalam  
[nurolhuda.hajiismail@unissa.edu.bn](mailto:nurolhuda.hajiismail@unissa.edu.bn)

### **Abstrak**

Masyarakat Islam memerlukan pedoman dalam mengerjakan amal ibadat dan selainnya iaitu dengan berpandukan kepada sesuatu mazhab yang diterima oleh majoriti ulama Islam. Ia adalah cara terbaik supaya amalan mereka menepati al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Oleh itu kertas kerja ini akan meninjau sejauhmana Mazhab Syafi'i diamalkan oleh masyarakat Islam Brunei dalam amalan harian mereka. Ia juga mengetengahkan peranan undang-undang bagi memartabatkan mazhab tersebut di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini berbentuk kualitatif, mengguna pakai teknik pemerhatian dan temu bual. Kajian akan mengupas ayat-ayat al-Quran, hadith dan pendapat ulama serta menganalisis kes mahkamah. Kajian juga akan menjelaskan peruntukan undang-undang yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam masih mengguna pakai mazhab Syafi'i dalam amalan ibadat mereka kerana adanya sokongan daripada pihak kerajaan melalui undang-undang.

**Katakunci:** Mazhab Syafi'i, amalan, perundangan dan Brunei Darussalam.

### **Pendahuluan**

Umat Islam memerlukan pedoman dalam melaksanakan sesuatu yang ditaklifkan dalam ugama Islam. Oleh itu pengetahuan terhadap pelaksanaan sesuatu amalan adalah penting. Antara cara mempelajari hukum-hukum Islam ialah melalui sesuatu mazhab fiqh di bawah naungan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Mazhab merupakan metode untuk memahami Syari'at, cara menafsir nas-nas Syari'at dan mengambil hukum dari sumber-sumbernya (Mohd Salleh 1999: 139).

Mazhab empat adalah kesinambungan perkembangan ilmu fiqh daripada Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang diterima oleh Sahabat-Sahabat Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Kemudian mereka menyampaikan kepada murid-murid mereka dalam kalangan tabi'en. Seterusnya ilmu fiqh disebarkan kepada generasi selepas tabi'en sehinggalah sampai kepada para guru bagi imam-imam mazhab empat itu (Haji Ismail 2016: 20-25).

Para imam mazhab empat dikategori dalam golongan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah dari aspek aqidah. Manakala dari aspek amali, mereka daripada kalangan mujtahid yang mampu berijtihad. Mazhab Syafi'i tergolong daripada mazhab empat yang terkenal selain mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Mazhab tersebut berlandaskan sumber-sumber hukum yang disepakati iaitu al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas.

Mazhab Syafi'i bukan sahaja berkembang di tempat kelahirannya Iraq dan Mesir, malah lebih dari itu. Mazhab Syafi'i telah menembusi Kharrasan dan negeri-negeri di persekitannya, Farsi, Yaman dan Nusantara (Mohd Salleh: 161). Kehadiran Mazhab Syafi'i di Nusantara telah mencelikkan mata hati penduduknya yang berada dalam kepercayaan Hindu dan animisme kepada mengamalkan Syariat Allah Subhanahu Wata'ala.

## **Kupasan ringkas Mazhab Syafi'i, amalan dan perundangan**

### ***Mazhab Syafi'i***

Dari segi bahasa, mazhab adalah cabang perkataan *zahaba* (ذَهَبَ) yang bermaksud lalu (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah 1997: 247). Dari segi istilah, mazhab adalah hukum-hukum dari pendapat seseorang mujtahid iaitu seseorang yang berusaha mengeluarkan hukum-hukum daripada sumber dalil syara' yang dilakukannya kerana memiliki syarat-syarat tertentu (al-Syaqfah 1989: 76). Usaha yang dilakukan oleh seseorang mujtahid dipandang tinggi kerana sama ada pendapatnya tepat atau tidak, beliau akan tetap mendapat ganjaran daripada Allah.

Mazhab Syafi'i adalah sempena gelaran pelopornya iaitu Imam Syafi'i. Beliau tergolong dalam kalangan mujtahid mutlak. Nama Imam Syafi'i ialah Muhammad bin Idris. Syafi'i adalah gelaran yang diambil dari nama datuknya Syafi'. Imam Syafi'i telah meletakkan dasar dan kaedah bagaimana mengeluarkan hukum *furū'*. Dengan adanya kaedah itu, beliau merupakan orang pertama mengarang ilmu usul fiqh.

Dalil-dalil hukum Imam Syafi'i tersusun pada lima peringkat iaitu al-Quran dan hadith yang sah, ijma' ulama yang mendapat ilmu khassah apabila tiada al-Quran dan hadith, perkataan setengah sahabat Nabi Sallallah 'Alaihi Wasallam yang tiada bantahan padanya, pendapat sahabat yang lebih hampir dengan tujuan al-Quran dan hadith atau yang telah dirajihkan oleh qiyas jika bersalahan pendapat di antara sahabat dan peringkat terakhir ialah qiyas (Haji Ismail 2016: 41-43).

### ***Amalan***

Amalan adalah perkataan dalam bahasa Arab dari kata kerja '*amila* (عَمِلَ) yang bermaksud melakukan perbuatan dengan niat (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah: 435). Dalam Kamus Dewan (2010: 42), amalan merupakan sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan dan juga diertikan pada perbuatan baik. Justeru dapat disimpulkan bahawa perkataan amalan dalam konteks masyarakat Islam Brunei dan hubungkaitnya dengan Mazhab Syafi'i adalah merujuk kepada kebiasaan perbuatan baik yang dilakukan.

Di antara ayat al-Quran yang menyatakan tentang amalan baik ialah ayat 97, surah al-Nahl:

مَنْ عَمِلْ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٩٧

Tafsirnya: Sesiapa yang mengerjakan kebajikan dari kalangan lelaki atau perempuan dan dia beriman, maka sesungguhnya Kami (Allah) akan beri kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami (Allah) akan membalas balasan yang lebih baik dari apa yang mereka kerjakan.

Menurut Imam Ibn Kathir (1998: 2/773), amal saleh dalam ayat di atas adalah amalan yang menepati kandungan Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Allah mengurniakan nikmat kehidupan di dunia yang merangkumi ketenangan, kebahagiaan, kepuasan jiwa dan kehalalan rezeki kepada hambaNya yang mengerjakan amal saleh. Manakala di akhirat pula, Allah membalas amalan mereka dengan balasan yang terbaik.

Amalan yang diperintahkan kepada hamba Allah yang mukmin boleh dibahagikan kepada dua. Pertama, ibadat ‘am iaitu setiap perbuatan seseorang sama ada dilakukan atau ditinggalkan kerana menurut perintah Allah dan mengharapkan keridaanNya. Kedua, ibadat khas iaitu syiar Islam yang diperintahkan oleh Allah untuk dilaksanakan seperti solat, puasa, zakat, haji dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya (Tahir 2013 : 43).

### ***Perundangan***

Perundangan berasal daripada perkataan undang-undang. Undang-undang bermaksud sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan (Kamus Dewan: 1768). Justeru undang-undang merupakan sesuatu yang penting bagi sesebuah negara bagi menjamin keamanan dan keharmonian penduduknya. Rakyat dan penduduk akan melaksanakan kehidupan harian dengan selesa.

Brunei Darussalam mempunyai undang-undang asas di mana perlembagaan Negara Brunei Darussalam telah digubal dalam tahun 1959. Pada masa itu, Brunei Darussalam di bawah pemerintahan Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien. Agama Islam dianggap penting sehingga dimasukkan dalam perlembagaan tersebut bersama-sama dengan kuasa Sultan dan kerasmian bahasa Melayu (Haji Awang Asbol bin Haji Mail *et al.* 2015: 89).

### **Mazhab Syafi’i dalam amalan ibadat**

Keimanan mesti disertakan dengan pelaksanaan ibadat. Di antara ibadat yang akan dilaksanakan itu perlu kepada taharah. Taharah daripada najis dan hadas adalah wajib bagi seseorang yang hendak melaksanakan solat, tawaf dan menyentuh al-Quran. Ibadat lain yang disunatkan pelakunya berada dalam keadaan suci ialah membaca al-Quran. Malah seseorang muslim diperintahkan supaya sentiasa berada dalam keadaan suci daripada najis dan hadas.

Bagi masyarakat Islam Brunei, anjing dikategori sebagai najis berat (مغلظة). Apa sahaja yang bersentuhan dengan anjing dianggap telah terkena najis dan perlu dicuci dengan air mutlak sebanyak tujuh kali dan sekali daripadanya bercampur tanah. Amalan tersebut digarap daripada pendapat Imam Syafi’i (1990: 1/19) yang mengambil hadith-hadith riwayat Abu Hurairah berkenaan arahan menyuci bekas minuman anjing. Antaranya ialah sabda Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam (Muslim 1/234. No. hadith: 279):

إِذَا شَرِبَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ، فَلْيَغْسِلْهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ

Bermaksud: Apabila anjing minum pada mangkuk salah seorang daripada kamu, maka hendaklah dia cuci mangkuk itu sebanyak tujuh kali.

Menyuci dengan air bercampur tanah yang dikenali dalam masyarakat Brunei dengan sebutan ‘sertu’ juga dipraktikkan pada masjid atau surau yang telah selesai dibina. Sebelum sesebuah masjid atau surau dibuka untuk kemudahan orang ramai menunaikan solat, majlis menyertu

masjid akan diadakan. Majlis sedemikian diadakan bagi memastikan tempat tersebut bersih daripada najis *mughallazah*. Kerja dilakukan secara bergotong-royong.

Wudu' perlu bagi mengangkat hadas kecil. Semasa berwudu', masyarakat Brunei hanya menyapu sebahagian daripada kepala. Mereka mengikut pendapat Imam Syafi'i (1990: 1/41) yang menyatakan bahawa memadai menyapu kepala walaupun dengan menggunakan satu jari atau kurang daripada itu. Selain daripada nas al-Quran, Imam Syafi'i bersandarkan kepada hadith-hadith Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, antaranya riwayat al-Mughirah bin Syu'bah (al-Syafi'i 1400H: 1/14):

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ فَمَسَحَ بِنَاصِيَتَيْهِ وَعَلَى عِمَامَتِهِ وَخُفَّيْهِ

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam berwudu, maka baginda menyapu ubun-ubun, atas serban dan kedua-dua *khuf*.

Solat yang merupakan kewajipan harian dilakukan dengan meraikan syarat-syarat tertentu. Salah satu syarat sah solat ialah menutup aurat. Bagi merealisasikan, majoriti wanita akan menyarung kain yang boleh menutup seluruh tubuhnya termasuk tapak kaki dan pergelangan tangan, namun pakaian yang sedia dipakai masih dikekalkan. Pakaian luar ini dinamakan 'telekung'. Lumrahnya telekung dibuat daripada kain berwarna putih sinonim dengan lambang kesucian hati. Walau bagaimanapun telekung tidak terlepas daripada transformasi dari segi jenis kain, warna dan bentuk. Namun transformasi tersebut tidak menjejaskan fungsinya sebagai penutup aurat. Aurat wanita dalam solat menurut Imam Syafi'i ialah seluruh tubuhnya kecuali muka dan telapak tangan zahir dan batin (al-Syafi'i 1990: 1/109).

Ulama Mazhab Syafi'i seperti Imam Syirazi (t.t: 1/124) menjelaskan berkenaan ayat 31 surah al-Nur. Pada tafsiran Ibn Abbas seluruh badan wanita adalah aurat kecuali muka dan telapak tangan. Hadith Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam melarang wanita memakai niqab ketika ihram, sekiranya kedua-dua anggota itu aurat tidak diharamkan menutupnya dalam ihram. Pendapat yang sah tangan dan muka bukan aurat.

Manakala solat lima waktu yang dilakukan di masjid-masjid Negara Brunei Darussalam masih tetap mengaplikasi cara mazhab Syafi'i. Bacaan *basmalah* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) disebut secara nyaring ketika membaca surah al-Fatihah. Ini dilakukan oleh imam dalam solat berjamaah dan orang yang solat bersendirian pada solat maghrib, isya' dan subuh. Waktu tersebut disunatkan membaca surah al-Fatihah dengan suara nyaring dalam rakat pertama dan kedua.

Imam Syafi'i menyatakan bahawa orang yang tidak membaca *basmalah* dalam surah al-Fatihah, dia perlu mengulang semula membaca surah al-Fatihah. Ini kerana *basmalah* termasuk salah satu ayat dalam surah al-Fatihah (al-Syafi'i 1990: 1/129). Surah al-Fatihah termasuk dalam rukun solat sebagaimana diriwayatkan oleh 'Ubadah bin al-Samit (al-Tirmizi 1998: 1/330. No. hadith 247):

حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الرَّبِيعِ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الصَّامِتِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

Bermaksud: Sufian bin 'Uyaynah menceritakan daripada al-Zuhri, daripada Mahmud bin al-Rabi', daripada 'Ubadah bin al-Samit, daripada Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang bersabda: tiada solat bagi sesiapa yang tidak membaca surah al-Fatihah.

Umat Islam di sini membaca doa qunut pada rakaat kedua solat subuh. Dalam Mazhab Syafi'i, bacaan qunut ini termasuk dalam sunat ab'ad. Jika tertinggal disebabkan lupa atau lain-lain, maka disunatkan sujud sahwi sebanyak dua kali. Tempat sujud sahwi ialah selepas membaca bacaan dalam tahiyat akhir dan sebelum salam. Doa qunut juga dibaca dalam solat witr pada sebahagian akhir bulan Ramadhan dan qunut nazilah pula dibaca ketika berlaku bencana menimpa umat Islam (al-Syafi'i 1990: 1/236).

Pembacaan zikir telah menjadi tradisi di Brunei. Contohnya seorang tokoh agama yang hidup dalam tahun 1880 hingga 1945 iaitu Marbut Awang Tunggal bin Chuchu telah menjadi guru tetap dalam pembacaan zikir (Simat bin Angas *et al.* 1992; 35). Seorang penulis yang datang ke Brunei dalam tahun 1965 telah mencatatkan bahawa kumpulan-kumpulan zikir menurut cara ahli sufi telah diadakan di masjid-masjid dengan dihadiri oleh para pembesar. Majlis zikir itu diakhiri dengan bacaan surah al-Fatihah dengan niat amalan mereka diterima dan diberi taufiq oleh Allah (Abdul Hafiz Mahmasani 1965: 58).

Sehingga kini, pembacaan zikir masih diamalkan selepas selesai solat fardhu lima waktu sama ada di masjid-masjid atau pun rumah-rumah persendirian. Imam Syafi'i (1990: 1/150) menjelaskan bagi imam dan makmum, mereka berzikir selepas selesai salam. Ia juga telah dijelaskan oleh Imam Nawawi (t.t: 3/484) dalam kitabnya al-Majmu' bahawa Imam Syafi'i dan ulama mazhabnya bersepakat *mustahab* berzikir dan berdoa selepas solat fardhu. Di antara dalil berzikir selepas solat ialah tahlil Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam (Muslim t.t.: 1/415. No. hadith 594):

وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ نُمَيْرٍ، حَدَّثَنَا أَبِي، حَدَّثَنَا هِشَامٌ، عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ، قَالَ: كَانَ ابْنُ الزُّبَيْرِ، يَقُولُ: فِي ذُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ حِينَ يُسَلِّمُ «لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ، وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ» وَقَالَ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُهَلِّ بِهِنَّ ذُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ»

Bermaksud: Ibn Zubair berkata pada akhir setiap solat selepas salam: "Tiada tuhan melainkan Allah sahaja tiada sekutu bagiNya, bagiNya kekuasaan dan bagiNya pujian dan Dia Maha berkuasa ke atas semua, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah, tiada tuhan melainkan Allah, kami tidak beribadat melainkan kepadaNya, bagiNya nikmat dan kelebihan, bagiNya pujian ucapan yang indah, tiada tuhan melainkan Allah, kami dalam keadaan ikhlas kepadaNya walau pun dibenci oleh golongan kafir". Beliau berkata: "Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menyebut tahlil sedemikian di akhir setiap solat.

Begitu juga majlis membaca surah Yasin dan membaca zikir diadakan sempena perayaan tertentu seperti meraikan orang yang akan mengerjakan haji atau diadakan secara berkala. Tidak ketinggalan juga Universiti Islam Sultan Sharif Ali di mana majlis membaca surah Yasin dan bertahlil diadakan pada setiap hari Khamis. Majlis ini dihadiri oleh tenaga kerja universiti dan pelajar yang tiada sesi pembelajaran pada masa itu. Amalan sedemikian dilakukan bagi meraih fadilat dan keberkatan sebagaimana dinyatakan oleh Imam Nawawi (1994: 1/9) dalam kitab al-Azkar berkenaan fadilat zikir.

Di Brunei, permulaan ibadat puasa bulan ramadhan, hari raya 'idil fitri dan 'idil adha ditentukan dengan melihat anak bulan. Bagi permulaan ibadat puasa, melihat anak bulan akan dilakukan pada hari 29 daripada bulan Sya'ban. Jika anak bulan tidak kelihatan, maka bulan Sya'ban

dicukupkan 30 hari dan selepas itu bermula awal bulan Ramadhan. Jika anak bulan kelihatan pada 29 Sya'ban, maka umat Islam akan mula berpuasa pada keesokan hari. Cara sama dilakukan bagi penentuan hari 'idil fitri dan 'idil adha, tetapi pada bulan-bulan yang berkaitan.

Penentuan tersebut diambil dari pendapat Imam Syafi'i (al-Syafi'i: 2/103) berhujjahkan antaranya hadith daripada Ibn Umar (al-Bukhari: 3/27. No. hadith 1906):

حَدَّثَنَا مَالِكٌ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ: «لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهَيْلَالَ، وَلَا تَفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ، فَإِنْ عَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ»

Bermaksud: Bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menyebut Ramadan seraya berkata: "Jangan kamu berpuasa sehinggalah kamu melihat anak bulan dan jangan kamu berbuka (hari raya) sehinggalah kamu melihatnya (anak bulan). Maka jika terlindung oleh awan, maka cukupkan 30 hari".

Dalam ibadat zakat, zakat harta di Brunei diperolehi daripada penunai zakat harta simpanan, perniagaan dan tanaman. Harta simpanan seperti wang dan emas. Perniagaan meliputi semua jenis perniagaan yang diusahakan oleh syarikat peniaga Melayu. Tanaman adalah daripada hasil tanaman padi. Zakat harta di atas dibayar oleh pemiliknya dalam bentuk wang (Hartina Hj Mohd Ariffin: 2017). Dalam Mazhab Syafi'i, zakat perniagaan ditunaikan dalam nilai wang.

Pada masa ini ada enam asnaf di Brunei (Haji Ismail 1993: 114) iaitu fakir, miskin, *gharim* (orang yang berhutang), *musafir* (orang yang dalam pelayaran atau mahu belayar), *amil* (pemungut zakat), dan *mualaf* (orang yang baharu masuk Islam dan belum jinak pada agama Islam dan umat Islam). Dua asnaf yang tiada ialah orang yang berperang sukarela dan hamba yang *mukatab* menebus diri dari kehambaan. Oleh sebab itu, kutipan zakat daripada zakat harta akan diagihkan kepada enam golongan tersebut sahaja.

### **Mazhab Syafi'i dalam perundangan**

Apabila membincangkan aspek ugama dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, akan didapati Mazhab Syafi'i mendapat tumpuan khas. Beberapa peruntukan dalam undang-undang tersebut jelas memaparkan kedudukan Mazhab Syafi'i seperti dari sudut tafsiran ugama Islam, penyediaan fatwa, lantikan Pendaftar, cara raju' dalam perkahwinan dan rujukan hakim semasa mengendalikan perbicaraan kes di Mahkamah. Dalam ruang yang terbatas ini, hanya perkara tersebut sahaja yang akan dikupas.

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pindaan sebelum 8 November 2008 menyerlahkan kedudukan istimewa mazhab Syafi'i. Bahagian II perkara 3(1) dalam perlembagaan tersebut menjelaskan bahawa ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Manakala perkara 2(1) menjelaskan tafsiran Ugama Islam iaitu Ugama Islam menurut Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah mengikut Mazhab Syafi'i. Peruntukan ini mengekalkan pengaruh Mazhab Syafi'i yang telah serasi dengan amalan masyarakat Brunei.

Dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Penggal 77 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi yang dikuat kuasakan pada 1 Februari 1956, bab 43 menjelaskan kedudukan fatwa yang mendahulukan sandarannya kepada Mazhab Syafi'i:

“(1) Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah biasanya menurut kaul yang muktamad daripada mazhab Shafie:”.

Namun, apabila qaul yang muktamad pada sesuatu perkara itu bertentangan dengan kepentingan awam, maka peruntukan ini membenarkan Majlis Ugama Islam (ditubuh dalam bab 5 akta tersebut) atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh mengikut qaul daif daripada Mazhab Syafi'i. Jika ini juga bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis atau Jawatankuasa tersebut boleh mengikut qaul daripada mana-mana tiga mazhab dengan perkenan khas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dalam fatwa berkenaan sentuhan seorang berwudu' terhadap kulit tangan lelaki kafir. Fatwa (Haji Ismail 1993: 1) menjelaskan:

“Perkara yang membatalkan air sembahyang ada lima perkara sebagaimana dalam Fathul Qarib. Satu dari perkara membatalkan air sembahyang bertemu kulit lelaki dengan kulit perempuan asing dengan tiada berlapis, dan bertemu atau bersentuh tangan lelaki dengan tangan lelaki tiada membatalkan air sembahyang sama ada lelaki yang tersentuh tangannya atau kulitnya itu Islam atau bukan Islam”.

Fatwa tersebut berhujhkan huraian yang terdapat dalam kitab Fathul Qarib (Ibn Qasim 2005: 1/40). Kitab tersebut adalah salah satu daripada kitab yang memaparkan pendapat dalam Mazhab Syafi'i. Ia menjelaskan hukum wudu' terbatal disebabkan bersentuh kulit tanpa lapis di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.

Pada fatwa lain berkenaan adab-adab imam semasa solat (Haji Ismail 1989: 24-25), fatwa memetik kata-kata Imam Syafi'i dalam kitabnya al-Umm:

“Saya berpendapat bahawa imam itu pada tiap-tiap ketika ia membaca tahiyat dan tasbih Subhanallah dan bacaan-bacaan fatihah dan surah dengan lambat-lambat sekadar ia dapati ma'mum yang ada dibalakangnya itu daripada orang-orang yang berat lidahnya telah dapat menunaikan apa yang dikehendakkan daripadanya, begitu juga saya berpendapat supaya imam dalam tunduk dan tegaknya berlambat-lambat sekira-kira dapat ma'mum yang lamah dan yang tua dan yang berat anggotanya menyempurnakan apa yang dituntut daripada mereka, dan jika imam tiada berbuat begitu ya'ni apa yang dituntut daripada imam itu dengan kadar yang seberapa dapat ia buat, maka saya berpendapat makruh ia berkelakuan begitu”.

Mazhab Syafi'i juga diperkenalkan dalam tadbir urus hal ehwal perkahwinan orang Islam. Undang-Undang Keluarga Islam Brunei Penggal 217 edisi semakan 2012 memperuntukkan tatacara perlantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' orang Islam. Bab 26(1) menyatakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik orang Islam bermazhab Syafi'i sebagai Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' orang Islam. Manakala bab 26(2) menyatakan baginda boleh melantik orang Islam yang

bermazhab Syafi'i sebagai Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' orang Islam.

Selain itu berkaitan perceraian iaitu dalam masalah ruju', undang-undang itu mengambil pendapat Mazhab Syafi'i. Bab 132(1) undang-undang tersebut memperuntukkan hukuman terhadap mereka yang bercerai tetapi bersekudukan semula semasa isterinya dalam tempoh 'iddah tanpa melafazkan ruju'. Dalam Mazhab Syafi'i, ruju' mesti dengan perkataan daripada pihak bekas suami. Tidak sah ruju' dengan perbuatan kerana tujuan ruju' ialah bagi mengharuskan hubungan suami isteri (al-Syirazi: 3/47).

Perbicaraan kes-kes jenayah dan mal di Mahkamah Kadi dan Jawatankuasa Majlis Ugama Islam juga merujuk kepada pendapat Mazhab Syafi'i. Contoh kes ialah Ulangbicara Kes Mal No. 1/90 oleh Jawatankuasa Kehakiman Majlis Ugama Islam pada 21 Rabiulawal 1411H bersamaan 10 Oktober 1990M. Menurut laporan Undang-Undang Syariah Brunei (2010: 75-78), Jawatankuasa yang membicarakan kes ini telah merujuk kepada kitab Hasyiah Qalyubi wa 'Umairah. Kitab ini adalah salah satu kitab yang menghidangkan pendapat Mazhab Syafi'i.

Perkara yang diteliti dari kitab ini ialah giliran individu yang ditetapkan oleh kaedah hukum syara' bagi memelihara seorang kanak-kanak selepas ibu kandungnya, makna mumayyiz dan seorang ibu tidak boleh dipaksa untuk memelihara anaknya. Melalui penelitian itu, Jawatankuasa dengan sebulat suara memutuskan supaya keputusan Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara dalam kes bilangan 34/90 dibatalkan dan rayuan pihak yang memohon dibenarkan.

### **Faktor Keteguhan Mazhab Syafi'i**

Beberapa faktor dikenalpasti meneguhkan kedudukan Mazhab Syafi'i dalam kalangan masyarakat Brunei:

Pertama, Peranan Undang-Undang terutamanya Perlembagaan Negara Brunei Darussalam semakan sebelum 8 November 2008. Diikuti pula dengan sebahagian bab dalam akta lain seperti Undang-Undang Keluarga Islam semakan 2012 yang mengetengahkan pendapat dalam Mazhab Syafi'i.

Kedua, fatwa mufti. Fatwa yang merupakan jawapan seorang mufti terhadap pertanyaan yang dikemukakan kepadanya berkenaan sesuatu kemusykilan daripada penanya telah mengutamakan rujukan pada Mazhab Syafi'i. Fatwa tersebut berimpak besar kepada penanya sebagai penyelesaian masalah dan ilmu baru. Fatwa yang dikeluarkan oleh mufti diterbitkan bagi kemudahan orang ramai mendapat maklumat yang diperlukan. Sekaligus menarik minat mereka untuk melaksanakannya dalam kehidupan harian.

Ketiga, kurikulum subjek ibadat atau fiqh yang menonjolkan pendapat Mazhab Syafi'i, khusus dalam tajuk solat. Subjek tersebut diajarkan di sekolah agama dan arab di bawah kementerian hal ehwal ugama dan sekolah umum di bawah kementerian pendidikan. Tidak ketinggalan juga kursus-kursus pengajian Islam yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi seperti kursus fiqh al-ibadat.



Keempat, penerbitan buku-buku zikir, tahlil, doa oleh agensi kerajaan. Di antara buku yang diterbitkan oleh Pusat Da'wah Islamiah ialah buku wirid dan doa selepas sembahyang. Jabatan Mufti Kerajaan pula menerbitkan buku wirid pagi dan petang susunan Mufti Kerajaan Brunei yang pertama, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Sehingga kini, buku tersebut telah mencapai ke peringkat cetakan kelima dan mendapat anugerah buku terlaris kerana mendapat sambutan orang ramai.

Pihak persendirian juga berperanan menyibarluaskan amalan berzikir dengan memberi hadiah buku zikir kepada para jemputan yang menghadiri majlis mereka. Selain itu, buku-buku yang mempersembahkan pendapat-pendapat Imam Syafi'i dan ulama mazhabnya telah diterbitkan oleh Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang kini diambil alih oleh UNISSA Press

Walau bagaimanapun, keharmonian amalan masyarakat Brunei menandai Mazhab Syafi'i terganggu oleh fahaman yang ingin menjauhkan mereka dari mazhab tersebut. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah pada perasmian Majlis Ilmu 2017 sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda ke-71 Tahun:

“Dalang yang membawa cabaran, sangat suka menghambur-hamburkan pendapat, seperti memburuk-burukkan amalan bertahlil, menolak ziarah kubur, mempertikai Sambutan Maulid Ar-Rasul, membaca Quran sebelum memulakan tugas dan lain-lain, dengan alasan, semua itu tidak dibuat oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam”.

Justeru, bagi mengatasi cabaran tersebut, mengadakan akta yang diharapkan dapat membendung fahaman adalah satu cadangan yang baik. Menelusuri sejarah, salah satu sebab perkembangan mazhab fiqh hingga dapat bertahan sampai kini adalah peranan pemerintah yang mengambil sesuatu mazhab sebagai teras mengurus tadbir negara.

## **Kesimpulan**

Masyarakat Brunei masih meneruskan amalan berteraskan Mazhab Syafi'i yang telah diwarisi sejak turun temurun. Pengukuhan Mazhab Syafi'i di Brunei Darussalam bersumberkan sokongan pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan dan peruntukan undang-undang. Diharap dengan adanya pengetahuan berkenaan hukum-hukum dalam Mazhab Syafi'i yang disalurkan melalui pembelajaran di pusat-pusat pendidikan dan banyaknya bahan bacaan yang diterbitkan, amalan yang diwarisi akan terus kekal mewarnai kehidupan masyarakat Islam Brunei.

## **Rujukan**

*Al-Qur'anulkarim*. 2007. Bandung: Syaamil Cipta Media.

Abdul Hafiz Mahmasani. 1965. *Al-Islam Fi Brunei*. Beirut: Dar al-'Asimah.

- Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman. “Tangani Pengaruh Keharmonian Beragama Secara Undang-Undang”. *Pelita Brunei*. Tahun 62/Bilangan 134. 19 Safar 1439H/8 November 2017H.
- Haji Awang Asbol bin Haji Mail (Profesor Madya Dr), Nani Suryani binti Haji Abu Bakar (Dr) dan Izzah Afiqiah binti Haji Abdullah. 2015. *Tujuh Serangkai: Dari Perspektif Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr)). Fatwa bilangan 69 tahun 1989. Pejabat Mufti Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.
- Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. 1993. *Mimbar Fatwa 6*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Hal Ehwal Syar’iyyah.
- Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz . 2012. *Wirid Pagi dan Petang*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. “Panduan Mengkaji Fiqh Mazhab Syafi’i”. *Mazhab Syafi’i Pandangan dan Amalan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail (Penyunting)*. Brunei: t.pt. 2016.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Ismail bin Kathir. 1998. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Dimasyq: Maktabah Dar al-Faiha’.
- Kamus Dewan*. 2010. Hajah Noresah bt. Baharom (Ketua Editor). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Undang-Undang Syariah Brunei (1967-1999)*. 2010. Bandar Seri Begawan: Mahkamah-Mahkamah Syariah.
- Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah. 1997. *Al-Mu’jam al-Wajiz*. T.tp.: t.pt.
- Mohd Salleh Haji Ahmad. 1999. *Pengantar Syari’at Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muslim bin al-Hajjaj. T.t. *Al-Musnad al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turrath al-‘Arabiy.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. T.t. *Al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab*. T.tp.: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. 1994. *Al-Azkar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Qalyubi, Ahmad Salamah dan Umairah, Ahmad al-Barlasi. 1995. *Hasyiata Qalyubi wa ‘Umairah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Qasim, Muhammad bin Qasim. 1425H/2005M. *Fath al-Qarib*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan dan Haji Ismail bin Ibrahim. 1992. *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*. Negara Brunei Darussalam: Muzium Brunei.

Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. 1990. *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. 1400H. *Al-Musnad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Syaqfah, Khalid bin Abdullah. 1989. *Al-Dirasat al-Fiqhiyyah 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. T.tp.: Dar al-Salam.

Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali. T.t. *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. T.tp.: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Tahir Yusuf Siddiq al-Siddiqi. 2013. *Fiqh al-Mustajiddat fi Bab al-Ibadat*. Jordan: Dar al-Nafa'is.

Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah. 1998. *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

“Unissa Sertu Bangunan Surau Tambahan”. *Al-Nashrah*. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press. Vol.3, No 1: Rabi'ulakhir-Rejab 1438H / Januari-Mac 2017.

*Wirid dan Doa Selepas Sembahyang*. 2007. Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.

## **Statut**

*Islamic Family Law Chapter 217*.

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam semakan sebelum 8 November 2008.

Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Penggal 77 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi.

## **Temu bual**

Ustazah Hartina binti Haji Mohd Ariffin, Pegawai Tugas-Tugas Khas, pada Sabtu 21 Januari 2017 di Kementerian Hal Ehwal Ugama.